

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Sunday, April 16, 2017 10:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SAPSP Online: PENJAWAT SAPSP ANJUR PROGRAM MENDAKI BUKIT LAGI, DI PERLIS



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia

**“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato’/Prof./Dr./Tuan/Puan



PENJAWAT SAPSP ANJUR PROGRAM MENDAKI BUKIT LAGI, DI PERLIS

SAPSP Online: Pada 14 April 2017 (Jumaat), Penjawat SAPSP telah menganjurkan program Bina Pasukan dengan mendaki bukit di Bukit Lagi, Perlis Indera Kayangan.

Program Bina Pasukan yang kali pertama dianjurkan dalam tahun 2017 yang disertai oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan, Penjawat Utama SAPSP, kakitangan pentadbiran serta penyertaan ahli keluarga masing-masing seramai 20 orang itu adalah bertujuan untuk membina semangat pasukan, pengukuhan kerjasama dan pemantapan toleransi di kalangan peserta dan ahlinya.

Program sehari yang dianjurkan berkenaan adalah terhasil daripada idea Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak (Dekan) disusuli dengan cadangan daripada Jawatankuasa Pengurusan SAPSP. Program dimulai dengan bacaan doa, sesi senaman ringan, sesi pendakian, sesi perkongsian pengalaman dan jamuan yang disediakan oleh ahli keluarga penjawat.

Dalam sesi pendakian yang melibatkan seramai 10 orang pendaki yang diketuai oleh Yang Berbahagia Dato' Abu Seman Awang itu pelbagai pengalaman menarik, cabaran alam semula jadi yang perlu ditempuhi secara bersama dalam tempoh 55 minit itu merupakan pengalaman berharga kepada 8 orang pendaki yang pertama kali mendaki di lokasi berkenaan. Walaupun, terdapat beberapa ahlinya yang mengalami tahap kesihatan yang kurang baik, berkat kesungguhan dan kerjasama antara ahlinya pendakian telah berjaya ditamatkan pada jam 9.45 minit pagi.

Dekan berkata, program sebegini adalah penting diadakan sebagai pengukuh kepada hubungan dan kerjasama antara ahli selain permuafakatan bersama keluarga setelah penat bekerja seharian di pejabat.

Untuk rekod, Bukit Lagi adalah lambang identiti bandar Kangar. Ia seolah-olah sebagai "mercu tanda" kepada ibu negeri Perlis itu. Ketingginya hanya 500 kaki. Jaraknya dari bandar Kangar ke Gua Cenderawasih atau dahulunya disebut Gua Sami kira-kira tiga kilometer. Menurut cerita orang tua-tua, pada masa dahulu, Bukit Lagi adalah merupakan sebuah pulau. Beberapa penemuan kulit kerang menjadi bukti dakwaan tersebut.

Konon diceritakan, nama Bukit Lagi dipanggil oleh sekumpulan mereka yang mudek Sungai Perlis dari muaranya di Kuala Perlis untuk pergi ke Bandar Kangar. Mulanya mereka bertemu Bukit Batu Buaya, kemudian Bukit Tok Poh, Bukit Lambung Panah dan Bukit Tok Sanai. Apabila meneruskan perjalanan menghampiri bandar Kangar, terdapat sebuah lagi bukit lalu salah seorang dari kumpulan itu berkata "bukit lagi". Maka dari situlah kononnya bukit berkenaan kekal dipanggil Bukit Lagi hingga sekarang. sebuah pantun lama yang pembayangnya menggunakan nama Bukit Lagi. Pantun tersebut berbunyi:

Bukit Lagi Bintang berkarang,
Anak Yu Dua Serupa,
Adik Pergi Abang Tak Larang,
Janji Dahulu Janganlah Lupa.

Pantun tradisi itu sering menjadi dendangan anak-anak muda zaman dahulu yang berada dalam lamunan percintaan.

Sekian.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

M A L A Y S I A

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.